



**PEJABAT KETUA PENGARAH  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN  
MAKANAN (KPKM)**  
*Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security*  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA**

No. Tel : 03 – 8870 4426  
Emel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

## **PROGRAM MELABUH TUKUN TIRUAN PENGHALANG PUKAT TUNDA JUVENIL (KONSERVASI) MENYUMBANG EKONOMI NELAYAN TERENGGANU**

25 Jun 2023, Terengganu – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah memperuntukkan sebanyak RM360,000 bagi melabuhkan sebanyak 12 unit tukun tiruan penghalang pukot tunda juvenile (konservasi) di perairan Batu Buruk, Kuala Terengganu dan perairan Pulau Kapas. Kerajaan Negeri Terengganu pula telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi tukun tiruan jenis yang sama untuk dilabuhkan di perairan Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Setiu. Jumlah keseluruhan tukun yang dilabuhkan di negeri tersebut kira-kira sebanyak 41 unit.

Peruntukan yang besar oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri ini adalah bertujuan mengawal dan memperkaya sumber perikanan perairan Terengganu. Hasil program melabuh tukun ini akan memberi manfaat kepada 8,635 orang nelayan di negeri Terengganu.

Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain berkata, usaha jangka masa panjang ini juga merupakan antara langkah Jabatan Perikanan bersama kerajaan negeri dalam menangani isu kekurangan sumber perikanan dan pendapatan nelayan setempat.

Menurut beliau juga, sebanyak RM6.5 juta telah diperuntukkan bagi membina, melabuh dan memantau keberkesanan tukun tiruan bagi tahun 2021-2023. Sebanyak 1,634 unit tukun telah dilabuhkan di 84 lokasi tukun tiruan seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2020 oleh Jabatan Perikanan Malaysia, 129 - 6,047kg biomass ikan direkodkan pada satu tapak tukun tiruan dengan nilai sumber tertinggi ikan komersil berjumlah RM84,759.60.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

